

KUTKM umum lantikan baru

Archival News | Utusan Malaysia | 18/10/2002

AKTIVITI PENDIDIKAN Di sana sini

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) baru-baru ini mengumumkan beberapa lantikan baru melibatkan dekan, timbalan dekan dan ketua jabatan.

Dua orang profesor yang dilantik ialah Prof. Dr. Marizan Sulaiman yang dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Prof. Dr. Mokhtar Mohd Yusof sebagai Timbalan Dekan (Akademi dan Penyelidikan) di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Kedua-dua jawatan tersebut masing-masing adalah untuk tempoh tiga dan dua tahun.

KUTKM dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, KUTKM juga telah melantik Prof. Madya Dr. Hanipah Hussin sebagai Ketua Unit Kokurikulum dan Prof. Madya Goh Ong Sing sebagai Ketua Unit Penerbitan.

Kedua-dua lantikan itu adalah untuk tempoh dua tahun.

Di samping itu juga, KUTKM turut melantik Juhari Ab. Razak sebagai Ketua Jabatan Termal-Bendalir di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal manakala Zamberi Jamaludin sebagai Penyelaras Jabatan Pengajian Diploma di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Mohd Rizal Saleh pula dilantik sebagai Ketua Jabatan Sistem dan Proses di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Berdasarkan pelantikan yang dibuat, KUTKM kini mempunyai tenaga kerja seramai 411 orang merangkumi staf akademik dan bukan akademik.

KUTKM yang merupakan kolej universiti teknikal pertama di negara ini kini mempunyai sembilan kakitangan akademik berjawatan profesor.

(Source : Utusan Malaysia)